

MENINGKATKAN PENGETAHUAN SALASILAH KELUARGA NABI MUHAMMAD SAW MELALUI TEKNIK C-Lah DALAM KALANGAN KANAK-KANAK BAJAU LAUT DI SEMPORNA, SABAH

Muhammad Nurhakim Mohd Azmi¹, Nurul Shamimi Zambri² & Halimatus Saadiah Mat Saad (Ph.D)³

¹Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau (IPGKT), Malaysia
E-mail: nurhakimazmi77@gmail.com

²Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau (IPGKT), Malaysia
E-mail: mimizamri04@gmail.com

³Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau (IPGKT), Malaysia
E-mail: hsms004@yahoo.com

Abstrak: Bidang pembelajaran sirah merupakan satu bidang penting dan perlu dipelajari oleh semua murid di sekolah. Salah satu cabang yang terdapat dalam bidang pembelajaran sirah adalah pembelajaran berkaitan salasilah keluarga nabi Muhammad SAW. Namun, bagi kanak-kanak Bajau Laut, mereka tidak diberikan peluang untuk menduduki proses pembelajaran secara formal di dalam bilik darjah. Perkara ini telah menyebabkan mereka kurang pengetahuan tentang salasilah keluarga nabi. Kajian ini dijalankan bagi meningkatkan pengetahuan dalam kalangan kanak-kanak Bajau Laut tentang salasilah keluarga nabi Muhammad SAW khususnya untuk mengenali ibu dan bapa nabi melalui teknik "C-Lah". Kajian ini dilaksanakan ke atas lapan orang kanak-kanak Bajau Laut yang terlibat dengan program Madrasah Terapung Community and Research Based Education, IPG Kampus Tawau di Pulau Mabul, Semporna, Sabah yang terdiri daripada dua orang kanak-kanak lelaki dan enam orang kanak-kanak perempuan. Tinjauan dan analisis masalah telah dilakukan bagi proses pengumpulan data melalui kaedah temubual dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir keseluruhan kanak-kanak Bajau Laut dapat mengenali nama ibu dan bapa nabi Muhammad SAW. Secara keseluruhannya, teknik C-Lah dalam buku cerita "Mari Kenal Nabi Kita" yang ditulis dalam Bahasa Bajau Laut sebagai medium

komunikasi berjaya menunjukkan peningkatan pengetahuan yang positif terhadap kanak-kanak Bajau Laut dalam mengingati nama ibu dan bapa nabi dalam proses mempelajari salasilah keluarga nabi Muhammad SAW. Kajian ini diharapkan mampu menyumbang kepada literatur kajian untuk pengkaji seterusnya demi kelangsungan pendidikan kanak-kanak etnik Bajau Laut khasnya serta kanak-kanak yang tidak pernah mendapat pendidikan formal amnya.

Kata Kunci: Sirah, Salasilah keluarga nabi, Kanak-kanak Bajau Laut, Teknik C-Lah.

Abstract: The field of Sirah learning is an important area that all students in school should study. One branch within this field is the study of the Prophet Muhammad's family lineage. However, Bajau Laut children, are not allowed to undergo formal learning in a classroom setting. This has resulted in a lack of knowledge about the Prophet's family lineage. This study was conducted to enhance the knowledge of Bajau Laut children about the Prophet's family lineage, particularly in recognizing the Prophet's parents through the "C-Lah" technique. The research was carried out on eight Bajau Laut children involved in the Community and Research Based Education Madrasah Terapung program, IPG Kampus Tawau in Pulau Mabul, Semporna, Sabah

consisting of two boys and six girls. Surveys and problem analyses were conducted for the data collection through interviews and observations. The study findings indicate that almost all Bajau Laut children can recognize the names of the Prophet Muhammad's parents. Overall, the "C-Lah" technique in the book "*Mari Kenal Nabi Kita*" written in the Bajau Laut language as a communication medium shows a positive increase in knowledge among Bajau Laut children in remembering the names of the Prophet's parents in the process of learning the Prophet's family lineage. This study is expected to be able to contribute to the research literature for the next researcher for the continuation of the education of Bajau Laut ethnic children in particular as well as children who have never received formal education in general.

Keywords: *Sirah, Prophet Muhammad's family lineage, Bajau Laut children, "C-Lah" technique*

PENGENALAN

Pendidikan merupakan elemen penting dalam membentuk kepercayaan dan pemikiran manusia. Dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan, terdapat pendekatan yang dikenali sebagai "Pendidikan Berasaskan Penyelidikan" atau "Research Based Education". "Research Based Education" adalah pendekatan dalam pendidikan yang menekankan penggunaan data dan penemuan terkini dari penyelidikan untuk meningkatkan proses pembelajaran (Parinya Meesuk et al., 2020). Pada masa kini, pendekatan ini juga digunakan dalam bidang pendidikan Islam termasuk bidang sirah bagi memahami corak pengajaran yang sesuai yang boleh diaplikasikan oleh guru pendidikan Islam di dalam bilik darjah (Ahmad Mohd Salleh, 2011).

Sirah adalah salah satu topik pembelajaran dalam kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Dari segi bahasa, "sirah" berasal dari perkataan Arab "سار" dan "سيرة," yang merujuk kepada perjalanan atau riwayat hidup. Dalam konteks istilah, sirah merujuk kepada pengajian yang tidak sekadar mengkaji peristiwa sejarah,

tetapi juga menggali kebaikan dan kelemahan. Ia memerinci aspek peribadi Nabi Muhammad SAW dalam realiti kehidupan setelah memahami dasar, asas-asas Islam, dan hukum-hukumnya

Pengajian sirah memiliki peranan penting dalam Islam, membantu umat Islam memahami ajaran Islam dan cara menerapkannya dalam kehidupan seharian. Namun, kesemua kanak-kanak bajau laut yang tinggal di Pulau Mabul, Semporna masih kurang mengetahui sirah nabi Muhammad, khususnya berkaitan nama ahli keluarga nabi. Hal ini adalah disebabkan mereka tetapi mereka masih tidak dapat mengingat nama ibu dan bapa nabi dengan baik. Menurut NurNabila Najah Nozlan dan Rosnah Jamba (2023), latar belakang pola petempatan etnik Bajau Laut yang tinggal di dalam perahu secara nomad, perbezaan bahasa pertuturan, komuniti tidak bernegara, budaya, kebolehcapaian pendakwah dan penerimaan terhadap orang asing telah dikenalpasti sebagai antara faktor yang memberi kesan terhadap pendidikan agama Islam kanak-kanak Bajau Laut, di Semporna Sabah.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LEPAS

Berdasarkan pengalaman pembelajaran lepas yang dilakukan oleh guru-guru Madrasah Terapung, kanak-kanak Bajau Laut pernah diajar tentang siapa nabi Muhammad dan mengapa baginda diutuskan ke atas muka bumi ini, namun mereka masih tidak dapat mengingat nama-nama keluarga nabi yang terdiri daripada nama ibu dan bapa nabi. Hal ini berpunca daripada corak pengajaran yang diajarkan semasa sesi PdP sebelum ini adalah kurang berkesan, di mana guru-guru di Madrasah Terapung hanya menggunakan kaedah penerangan dan pengulangan menyebabkan murid mudah hilang fokus sewaktu sesi pembelajaran berlangsung.

Berdasarkan dapatan tersebut, akhirnya pengkaji membuat satu perancangan menghasilkan buku cerita "Mari kenali Nabi Kita" yang ditulis dalam

Bahasa Bajau Laut sebagai medium untuk berkomunikasi bersama kanak-kanak Bajau Laut. Buku cerita ini juga mempunyai lagu sebagai tindakan bagi menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran hubungkait maklumat oleh kanak-kanak Bajau Laut dalam mengetahui salasilah keluarga nabi Muhammad SAW. Buku cerita ini merupakan bahan bantu mengajar yang mempunyai ilustrasi yang menarik mengikut penceritaan dan lirik lagu sebagai pendekatan dalam membolehkan guru mengaplikasikan teknik bercerita dan menyanyi. Pengkajian menggunakan bentuk penceritaan dan lagu dan disertai dengan gaya supaya kanak-kanak Bajau Laut dapat menerima pengetahuan baharu secara berperingkat.

PENGUMPUNAN DATA AWAL

Pengkaji telah menjalankan temubual ke atas kanak-kanak Bajau Laut untuk mendapatkan dan mengumpul data awal kajian.

Jadual 1: Analisis Temu Bual Bersama Kanak-Kanak Bajau Laut

Persoalan:	
1) Kota'an bi ai sirah itu? Maksud: Tahu tak sirah tu apa?	
2) Takila kam ka sai inak maka mmak nabi ta? Maksud: Kenal ibu dan bapa Nabi?	
Kanak-kanak Bajau Laut (KBL)	Respon persoalan 1 dan persoalan 2 (P1, P2)
KBL 1	P1: *geleng kepala P2: tiada respon
KBL 2	P1: tiada respon P2: tiada respon
KBL 3	P1: (tidak tahu) P2: (tidak tahu)
KBL 4	P1: *geleng kepala P2: *geleng kepala
KBL 5	P1: *tiada respon P2: (tidak tahu)

KBL 6	P1: (apa tu?) P2: (tak kenal))
KBL 7	P1: (saya tak tahu) P2: (tak belajar)
KBL 8	P1: (tak tahu) P2: (tak kenal)

Sumber: Muhammad Nurhakim et al. (2023)

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

a. Objektif Kajian

- i. Mengetahui tahap kebolehan kanak-kanak Bajau Laut dalam mengingat nama ibu dan bapa nabi Muhammad SAW.
- ii. Meningkatkan kemahiran kanak-kanak Bajau Laut dalam menghubungkan pengetahuan sedia ada tentang nabi Muhammad SAW dengan pengetahuan berkaitan salasilah keluarga nabi melalui tekni C-Lah.

b. Persoalan kajian

- i. Apakah tahap kebolehan kanak-kanak Bajau Laut dalam mengingat nama ibu dan bapa nabi Muhammad SAW?
- ii. Adakah terdapat peningkatan kemahiran kanak-kanak Bajau Laut dalam menghubungkan pengetahuan sedia ada tentang nabi Muhammad SAW dengan pengetahuan berkaitan salasilah keluarga nabi melalui teknik C-Lah?

METODOLOGI KAJIAN

Bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara efektif serta bahan bantu mengajar mencapai objektif pembelajaran, kaedah model Kemmis dan MC Taggart telah diaplikasikan sebagai langkah penelitian tindakan yang dijalankan. Menurut Wahyuningtyas et al. (2023), terdapat tiga tahap dalam penelitian kajian tindakan iaitu tahap perancangan (planning), pelaksanaan dan pengamatan (act and observe), dan refleksi (reflect).

TINJAUAN MASALAH

Temu bual

Sebelum melaksanakan kajian, pengkaji telah menemu bual kesemua kanak-kanak Bajau laut. Berdasarkan temu bual tersebut, maalah dapat dikenal pasti oleh pengkaji iaitu kesemua mereka tidak dapat menyebut dan mengingati nama ibu dan bapa nabi. Hal ini boleh dikaitkan dengan corak pengajaran guru madrasah yang kurang menarik dalam sesi PdP dan tahap penguasaan KBL yang agak lambat dalam suatu pembelajaran.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pengkaji memulakan sesi PdP dengan menunjukkan bahan pembelajaran yang dihasilkan iaitu Buku Cerita "Mari Kenali Nabi Kita" kepada kanak-kanak Bajau Laut. Buku cerita ini ialah buku cerita berilustrasi yang ditulis dalam bahasa Bajau Laut serta menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami dan tidak kompleks sebagai satu cara untuk memudahkan komunikasi dengan mereka. Buku cerita ini juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian penceritaan dan diselangkan dengan bahagian aktiviti iaitu menyanyi, di mana pada bahagian aktiviti terdapat lirik lagu yang juga ditulis dalam bahasa Bajau Laut bagi memudahkan kanak-kanak Bajau Laut memahami lirik lagu tersebut.



Rajah 1: Lirik lagu yang terdapat di dalam Buku Cerita "Mari Kenal Nabi" yang ditulis dalam Bahasa Bajau

Setelah menunjukkan elemen-elemen yang terdapat dalam buku cerita ini, fasilitator

memulakan sesi pengajaran dua hala iaitu melibatkan komunikasi dan interaksi antara kanak-kanak Bajau Laut sebagai murid dengan guru sepanjang sesi PdP berlangsung. Guru bercerita dengan gaya dan intonasi bercerita yang betul agar dapat menarik minat murid untuk mendengar. Kemudian, apabila sampai pada bahagian aktiviti menyanyi, guru mengajar irama yang akan dinyanyikan terlebih dahulu dan mengajak murid untuk menyanyi bersama-sama lagu tersebut beserta gaya bagi menguatkan lagi ingatan kanak-kanak Bajau Laut tersebut tentang nama ibu dan bapa nabi.

DAPATAN KAJIAN

Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian dilakukan untuk memperoleh maklumat bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu "apakah tahap kebolehan kanak-kanak Bajau Laut dalam mengingati nama ibu dan bapa nabi Muhammad SAW?" Pemerhatian telah dilaksanakan selepas tindakan dijalankan di mana pengkaji memberi fokus kepada menilai tahap penguasaan peserta kajian untuk mengingati nama ibu dan bapa nabi menerusi teknik nyanyian lagu. Peserta kajian diminta untuk menyanyikan lagu berkaitan ibu dan bapa nabi seperti yang telah diajarkan, kemudian mereka diminta untuk menyebut semula nama ibu dan bapa nabi berdasarkan lagu yang telah dinyanyikan. Guru membuat pemerhatian dan merekodkan data dalam jadual.

Jadual 2: Analisis pemerhatian

Peserta Kajian	Pemerhatian		
	Item 1 (Nama ibu nabi)	Item 2 (Nama bapa nabi)	%
PK 1	<i>x</i>	<i>x</i>	0%
PK 2	<i>I</i>	<i>I</i>	100%
PK 3	<i>x</i>	<i>x</i>	0%
PK 4	<i>I</i>	<i>I</i>	100%

PK 5	I	I	100%
PK 6	I	I	100%
PK 7	I	I	100%
PK 8	I	I	100%

Sumber: Muhammad Nurhakim et al. (2023)

Jadual di atas merupakan hasil dapatan terhadap pemerhatian yang telah dilaksanakan. Berdasarkan jadual berikut, enam daripada lapan peserta kajian dapat menyatakan nama ibu dan nama bapa nabi dengan betul iaitu 100%, manakala 2 orang peserta kajian lagi masih kurang mahir untuk mengingat serta menyebut nama ayah dan ibu nabi. Pemerhatian yang telah dijalankan merangkumi aspek:

- i. Hampir kesemua kanak-kanak Bajau Laut dapat menyatakan nama ibu nabi iaitu Aminah dengan betul.
- ii. Hampir kesemua kanak-kanak Bajau Laut dapat menyatakan nama ayah nabi iaitu Abdullah dengan betul.
- iii. Hampir kesemua kanak-kanak Bajau Laut dapat menyanyikan lagu berkaitan nama ibu dan bapa nabi beserta gaya dengan betul

KESIMPULAN

Kajian tindakan yang dijalankan memberikan impak positif terhadap pencapaian peserta kajian. Melalui dapatan kajian yang telah dilaksanakan, pengkaji mendapati bahawa penggunaan buku cerita "Mari Kenal Nabi Kita" ini dapat membantu kanak-kanak Bajau Laut untuk mengingat nama ibu dan bapa nabi dengan lebih baik. Hal ini dikatakan demikian kerana buku cerita tersebut ditulis dalam bahasa Bajau Laut di samping guru-guru menggunakan bahasa Bajau Laut untuk menceritakan kisah yang terdapat dalam buku cerita itu ketika sesi PdP berlangsung sebagai bentuk komunikasi. Selain itu, buku cerita yang dihasilkan diselitkan dengan lirik lagu yang membolehkan kanak-kanak Bajau Laut menyanyi lagu tersebut. Mereka dapat menyatakan nama ibu dan nama

bapa nabi dengan menyanyikan lagu yang telah diajarkan kepada mereka. Kemahiran mereka untuk mengingat nama ibu dan bapa nabi juga meningkat selepas menggunakan bahan tindakan. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan mengekalkan kaedah ini dalam sesi PdP akan datang kerana kaedah ini dilihtakan dapat diterima oleh kanak-kanak Bajau Laut dalam meningkatkan lagi tahap pengetahuan mereka. Namun, pengkaji akan merancang lebih banyak corak pengajaran yang kreatif dan menarik dan bahan pembelajaran yang berguna untuk digunakan bagi membolehkan pendidikan dapat terus diberikan kepada mereka.

RUJUKAN

- Ahmad Mohd Salleh. (2011). Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam. Oxford Fajar Sdn Bhd.
- NurNabila Najah Nozlan & Rosnah Jamba (2023). Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Ibu Bapa Masyarakat Bajau Laut, Semporna, Sabah. International Conference on Educational Leadership and Management. 1-15
- Nur Suhana Abdullah & Zarina Muhyiddin. (2017). Buku Teks Pendidikan Islam Tahun 1 KSSR. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parinya Meesuk, Banleng Sramoon & Angwara Wongrugsa. (2020). Classroom Action Research-based Instruction: The Sustainable Teacher Professional Development Strategy. *Journal of Teacher Education for Sustainability*, 22 (1), 98-110.

Wahyuningtyas, A. T., Minarti, I. B., & Budiastuti (2023, July). 191. Peningkatan motivasi dan hasil belajar peserta didikan kelas VIII melalui model problem based learning pada materi cahaya dan alat optik. In Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Profesi Guru. (pp. 1450-14